



## JABATAN KOMUNIKASI KOMUNITI JABATAN PERDANA MENTERI

ARAS 7, SETIA PERDANA 3, KOMPLEKS SETIA PERDANA,  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN,  
62502 PUTRAJAYA, MALAYSIA  
E-mel : upa\_dccomm@jpm.gov.my Tel : 603 8872 7239



### KENYATAAN MEDIA

#### KEMPEN DERMA DARAH SEMPENA PROGRAM JOM@KOMUNITI JABATAN KOMUNIKASI KOMUNITI, JABATAN PERDANA MENTERI TAHUN 2022

**PUTRAJAYA, 30 JUN** – Dijangka lebih 100 beg derma darah berjaya dikumpulkan hari ini di Kompleks Setia Perdana, Putrajaya bagi menampung keperluan Pusat Darah Negara (PDN). Kempen Derma Darah sempena Program JOM@Komuniti adalah program di bawah Jabatan Komunikasi Komuniti (J-KOM) di mana semua penderma adalah terdiri daripada kakitangan awam di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan komuniti sekitar Putrajaya.

YBhg. Dato' Dr. Zuraidi Ishak, Ketua Pengarah J-KOM berkata, kempen derma darah ini mendapat sambutan ramai daripada kakitangan awam di bawah JPM. Program ini adalah salah satu inisiatif tanggungjawab sosial J-KOM kepada komuniti dalam membantu sedikit sebanyak keperluan bekalan darah Negara dan hospital-hospital di seluruh negara.

Selain itu, program ini dimeriahkan lagi dengan tajaan daripada pihak Nestle, Texas Chicken, Maestro Swiss (Vico) dan produk tenusu daripada Summerfield kepada para penderma hari ini. Diharapkan agar program JOM@Komuniti ini akan diteruskan lagi dengan lebih banyak lagi siri bersama-sama komuniti di masa hadapan berpandukan tiga (3) fokus utama iaitu berbudaya ilmu, berkemahiran digital dan berjiwa patriotik.

Antara tujuan utama kempen menderma darah ini diadakan adalah untuk meningkatkan kesedaran tentang kebaikan menderma darah, menanam sifat keperihatinan terhadap penderitaan insan yang memerlukan dan seterusnya meningkatkan kesedaran tentang perlunya untuk sentiasa mempunyai tubuh badan yang sihat dan mengamalkan gaya hidup sihat.



## JABATAN KOMUNIKASI KOMUNITI JABATAN PERDANA MENTERI

ARAS 7, SETIA PERDANA 3, KOMPLEKS SETIA PERDANA,  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN,  
62502 PUTRAJAYA, MALAYSIA  
E-mel : upa\_dccomm@jpm.gov.my Tel : 603 8872 7239



Pusat Darah Negara (PDN) juga sentiasa mendapat permintaan bekalan darah daripada hospital seluruh negara. Justeru bagi mengelakkan kekurangan bekalan darah, orang ramai digalakkan untuk menderma darah di PDN atau mana-mana hospital kerajaan yang berhampiran dengan mereka. PDN mengharapkan agar lebih banyak agensi kerajaan mahu pun swasta menganjurkan aktiviti sebegini kerana kita yakin darah penderma mampu menyelamatkan banyak nyawa yang memerlukannya.

Untuk makluman, Jabatan Komunikasi Komuniti (J-KOM) merupakan sebuah jabatan yang baharu ditubuhkan di bawah Jabatan Perdana Menteri yang berperanan membangunkan komuniti di peringkat akar umbi dengan pendekatan pengehakupayaan komuniti.

Sekian, terima kasih.

-TAMAT-

**UNIT PERHUBUNGAN AWAM  
JABATAN KOMUNIKASI KOMUNITI**

**30 JUN 2022**

*Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Unit Perhubungan Awam di talian 03-8872 7239 atau e-mel ke [upa\\_dccomm@jpm.gov.my](mailto:upa_dccomm@jpm.gov.my)*